

Jangan jual saham – PM
Utusan Online
09 Mei, 2012

JERANTUT 8 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu para peneroka tidak menjual saham Felda Global Ventures Holdings (FGVH) yang akan diberikan kepada mereka demi masa depan generasi Felda yang seterusnya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun mereka boleh mendapat wang tunai yang banyak jika menjual saham-saham itu namun para peneroka perlu melihat kepentingan jangka panjang.

"Jika simpan untuk jangka masa yang panjang, ia boleh beranak dan digunakan anak cucu kita malah tiap-tiap tahun kita akan dapat dividen.

"Kerajaan juga tidak akan kurangkan sedikit pun apa yang tuan-tuan terima sebelum ini. Bonus produktiviti pun dapat, duit raya, pinjaman perumahan dan banyak lagi bantuan akan tetap diteruskan seperti biasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sejahtera Peneroka Bersama Perdana Menteri di sini hari ini.

Menurut Najib, tanah para peneroka yang tetap tidak akan diusik dengan penyenaiaan FGVH sekali gus menangkis tohmahan pembangkang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0509&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm